

## PROSEDUR PENENTUAN DAN PENGESAHAN& SEMAKAN ARAH KIBLAT MASJID DAN SURAU SERTA PENENTUAN ARAH KIBLAT BAGI PERMIS SWASTA DI NEGERI SABAH

### A. JENIS PERMOHONAN

- i. Penentuan dan Pengesahan arah kiblat (pembinaan baru) hanya bagi Masjid dan Surau.
- ii. Semakan arah kiblat bagi Masjid/Surau(sedia ada) kampung.
- iii. Penentuan arah kiblat Permis Swasta seperti Surau bangunan kerajaan, bilik – bilik hotel/ resort / tanah perkuburan.

### B. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- i. **Penentuan & Pengesahan Arah Kiblat Masjid & Surau (Pembinaan Baru):**

#### **Kaedah Pertama :**

Hendaklah memohon melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah ( JHEAINS ) dengan mengisi boring atau secara bersurat.

#### **Kaedah Kedua :**

Mengemukakan permohonan terus kepada Pejabat Mufti Negeri Sabah Melalui Surat bersama dokumen( rujuk perkara "C :i )

- ii. **Semakan :**  
Bagi semakan arah kiblat Masjid/surau kampung  
Hendaklah memohon melalui Jabatan Hal Ehwal Agama  
Islam Negeri Sabah ( JHEAINS ).
  
- iii. **Penentuan dan Pengesahan arah kiblat bagi permis swasta  
seperti surau bangunan Kerajaan dan swasta serta bilik-bilik  
Hotel/ Resort / Tanah Perkuburan.**  
Hendaklah memohon terus ke Pejabat Mufti Negeri  
Sabah.

### **C. GARIS PANDUAN PERMOHONAN**

- i. **Bagi penentuan dan pengesahan arah kiblat bagi  
pembinaan Masjid dan Surau hendaklah mengemukakan  
permohonan bersama dokumen Wajib seperti berikut:**
  - a. Surat Kebenaran untuk membina Masjid / Surau  
daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri  
Sabah (JHEAINS)
  
  - b. Pelan Tapak / Pelan Akui ( telah diukur oleh Juruukur  
( bertauliah ).
  
  - c. Maklumat Juruukur yang bertauliah

*\* Pihak pemohon diwajibkan melantik juruukur yang bertauliah.*

**ii. Semakan:**

Semakan bagi Masjid / surau hendaklah mengemukakan surat kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

**iii. Bagi permis swasta seperti surau bangunan Kerajaan dan Swasta serta Bilik-bilik Hotel / resort / Tanah Perkuburan:**

Hendaklah mengemukakan surat terus ke Pejabat Mufti Negeri Sabah dengan disertakan maklumat :

- Jumlahbilik
- Plan Bangunan (jika ada)

**D. TARIKH PENENTUAN&PENGESEAHAN DAN SEMAKAN ARAH KIBLAT**

Tarikh tersebut akan dimaklumkan kepada pemohon setelah segala dokumen disertakan dengan lengkap dan kerja – kerja pengukuran oleh juruukur telah dilaksanakan ( bagi pembinaan baru Masjid dan Surau sahaja ).

**E. LAWATAN PENENTUAN & PENGESEAHAN ARAH KIBLAT**

**i. Bagi Pembinaan Baru Masjid / Surau yang perlu hadir :**

- a. Pemohon
- b. Pihak Kontraktor
- c. Juruukur Bertauliah ( bersama peralatan ukur seperti theodolite atau total station )
- d. Wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah ( JHEAINS ).

- ii. Bagi Permis Swasta yang perlu hadir :  
Hanya pemohon sahaja

#### **F. SURAT DAN SIJIL PENGESAHAN ARAH KIBLAT**

Surat dan sijil pengesahan akan dikeluarkan dalam masa seminggu dari tarikh lawatan kerja penentuan dan pengesahan arah kiblat diadakan.